

LATAR BELAKANG DAN KARYA MB HOOKER

3.1 PENGENALAN

Sejarah pembabitan sarjana Barat dalam pengkajian terhadap adat Melayu secara langsung atau tidak langsung adalah sambungan kepada usaha yang telah dirintis Francis Light, William Marsden, Thomas Stamford Raffles, James Richardson Logan dan William Maxwell sebelumnya.¹ Namun begitu, selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, undang-undang adat Melayu telah memasuki tahap yang lebih kritis dengan Hooker tampil sebagai tokoh utamanya. Penglibatan Michael Barry Hooker dalam pengkajian adat Melayu khususnya telah menyumbang kepada pelbagai karya termasuklah buku-bukunya yang berkaitan dengan adat masyarakat melayu tradisional.

Malah kepakaran beliau dalam bidang ini telah menjadikan beliau antara penulis dan pengkaji adat Melayu yang terkenal pada masa kini. Beliau merupakan antara sarjana Barat yang masih bergiat aktif dalam pengkajian adat khususnya adat masyarakat melayu tradisional iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Segala perbincangan terhadap undang-undang adat Melayu menampilkan ciri kesarjanaan Hooker melalui buku-bukunya seperti *Readings in Malay Adat Laws* (1970) dan *Legal Pluralism: An Introduction to Colonial and Neo-Colonial Laws* (1975). Namun begitu, pengkaji hanya menfokuskan kepada salah satu daripada karya-karyanya sahaja iaitu “Islamic Law in South-East Asia” selari dengan kajian yang pengkaji lakukan.

¹ Lihat bab satu sejarah ringkas karya serta biografi semua sarjana Barat ini dalam subtopik kajian literature iaitu karya-karya sebelum Hooker.

Justeru, secara keseluruhan kandungan utama dalam bab ketiga disertasi ini akan mengupas secara terperinci biografi MB Hooker, karya-karyanya serta kelebihan karya-karyanya yang merangkumi penerangan tentang perpustakaan koleksi khas milik Hooker sendiri.

3.2 LATAR BELAKANG MB HOOKER

Nama sebenar beliau adalah Michael Barry Hooker atau lebih dikenali dengan panggilan MB Hooker,² merupakan seorang pakar dalam bidang undang-undang adat Melayu. Kini beliau telah menetap di Canberra Australia bersama isterinya, iaitu Professor Virginia Hooker³ yang merupakan seorang Profesor di Pusat Pengajian Asia

² Pengkaji telah mendapat kesulitan dalam mengumpul biografi lengkap MB Hooker. Sepanjang kajian, banyak email telah dihantar kepada pihak Australia National University (ANU), namun jawapan yang diberi amat mengecewakan apabila mereka memaklumkan bahawa Hooker telah lama bersara dari universiti tersebut. Malang sekali, pihak universiti tersebut tidak mempunyai sebarang rekod simpanan beliau. Oleh itu, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan menghantar email kepada isterinya Prof. Virginia Hooker sebanyak beberapa kali namun tetap tidak mendapat maklum balas. Selepas itu, dalam bulan Mei 2013 pengkaji telah mengutuskan surat kepada alamat isterinya di Australia dan hampir 3 bulan selepas itu sekitar bulan Ogos 2013 surat tersebut telah dikembalikan semula atas alasan tidak sampai. Usaha di teruskan lagi apabila pengkaji mendapat jemputan daripada salah seorang pensyarah UITM Shah Alam iaitu Dr. Hidayah bagi menghadiri satu seminar yang akan disampaikan oleh sahabat Hooker iaitu Professor Tim Lindsey dan akhir sesi seminar pengkaji telah bertemu dengan beliau untuk mengajukan soalan namun di sebabkan kesuntukan masa, beliau telah memberi kad nama kepada pengkaji sekiranya hendak menghubungi beliau. Setelah di ajukan soalan dalam email beliau beberapa kali tetap tidak mendapat maklum balas juga. Untuk maklumat, Dr. Hidayah merupakan salah seorang daripada supervisee Professor Tim Lindsey semasa belajar di luar negara dan beliau berkesempatan berjumpa dengan Hooker dan pernah sekali mendapat alamat tetap Hooker tetapi malang sekali alamat tersebut sudah hilang. Malah, dia juga memberitahu bahawa segala persoalan mengenai Hooker hendaklah di hantar melalui surat bukan melalui email disebabkan Hooker sendiri tidak mempunyai sebarang email untuk dihubungi.

³ Profesor Dr. Virginia Matherson Hooker merupakan Profesor di Pusat Pengajian Asia Tenggara, ANU (Australia National University) dalam bidang penyelidikan Indonesia dan Malaysia. Beliau dilahirkan di Sydney, manakala mendapat B.A.Hons dalam pengkhususan Pengajian Oriental dari ANU (Australian National University) di Canberra, Australia. Sementara Phd pula dari MU (Universiti Monash) dalam kajian tentang Indonesia dan Malaysia. Antara bidang-bidang penyelidikan beliau adalah: Islam di Asia Tenggara, budaya dan politik kontemporari Indonesia, Islam dan perubahan sosial di Indonesia, serta Islam dan proses autonomi daerah di Indonesia. Beberapa buah karya beliau telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, beliau turut terlibat dalam usaha sama dengan beberapa tokoh dari beberapa negara luar antaranya dari Asia Tenggara, Amerika

Tenggara di Australia National Universiti (ANU). Beliau memiliki dua orang cahaya mata iaitu Elizabeth Matheson dan juga Jamie Matheson. Manakala bapa mertuanya pula bernama Max Lee dan ibu mertuanya⁴ telah meninggal dunia pada tahun 1989.⁵

Kerjaya beliau dalam bidang doktor falsafah bermula apabila beliau pernah berkhidmat di Fakulti Undang-Undang Perbandingan di Universiti Kent di Canterbury⁶ dan pada Jun 1991 beliau telah bersara dari Universiti tersebut.⁷ Kemudian kerjaya beliau diteruskan lagi dengan menjadi Professor di Fakulti Undang-Undang di Australian National Universiti (ANU) khususnya dalam bidang Syariah (Undang-Undang Islam) dan Adat (Undang-Undang Adat Tradisional).

Seterusnya, pada tahun 1997 beliau telah dilantik menjadi salah seorang daripada 18 orang Ahli Bersekutu Kanan Kehormat Pusat Undang-Undang Asia di Universiti Melbourne.⁸ Kesemua yang terlibat ini terdiri daripada ahli-ahli akademik dari universiti luar serta merupakan pakar dalam bidang Sistem Undang-Undang Asian dan Pengajian Asian. Pengalaman beliau selama 40 tahun dalam bidang pendidikan dan

Syarikat, Belanda dan Israel. Beliau turut menjalankan projek penyelidikan lanjutan tentang Islam bagi negara Indonesia dan Malaysia. Di samping itu juga, Prof Dr Virginia Matheson Hooker turut terlibat sebagai ahli Lembaga Penasihat Penggubal journal Tawarikh yang telah diterbitkan pada Oktober 2010 bagi edisi terkini. Kini beliau berkhidmat sebagai Profesor Indonesia dan Melayu serta sebagai Felo Pelawat di RSPAS (Research School of Pasific and Asian Studies), Fakulti Pengajian Asia ANU (Australian National University), Canberra, Australia. "Victor Pawley", dikemaskini pada 10 January 2013, dicapai pada 19 September 2013, <http://news.anu.edu.au/1998/09/17/new-professor-of-indonesian-and-malay-at-anu/>. "Virginia Matheson Hooker", dikemaskini pada 2010, dicapai pada 22 September 2013, <http://www.tawarikh-journal.com/index.php?p=board&act=view&id=15>.

⁴ Pengkaji kurang mendapat maklumat tentang keluarga Hooker.

⁵ Virginia Matheson Hooker, *Mencipta Masyarakat Baru Perubahan Sosial Menerusi Novel Melayu*, terj. Shamsuddin Jaafar, Zainab Ahmad dan Zaleha Abidin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), xviii.

⁶ Hooker, MB, *The Laws of South-East Asia Volume 1: The Pre-Modern Texts* (Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte.Ltd., 1986), vii.

⁷ John Randall, "Special Collections: A Booksellers View With Reference To Professor M.B. Hooker's Library" (Seminar Antarabangsa Koleksi Khas Pengajian Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19-21 Jun 1995), 5.

⁸ Antaranya adalah Professor Camille Cameron, Professor Kent Anderson, Professor Simon Butt, Mr. Neri Colmenares, Mr Charles Coppel, Mr Hop Dang, Mr Howard Dich, Mr Michael Dutton, Mr Stewart Fenwich, Mr Richard Garnett, Dr Gitte Heij, Dr David Cinnan, Dr Vera Mackie, Dr Richard Mitchell, William Neilson, Dr Paul Pangalangan, Dr Kerstin Steiner, Dr Benny Tabalujan.

penulisan mengenai Asia Tenggara cukup bernilai. Pada masa yang sama beliau juga turut terlibat sebagai pengarang asal di Malaysia, Undang-Undang Islam di Asia Tenggara, Pengenalan kepada Undang-Undang Jawa, dan Sejarah Ringkas Undang-Undang Asia Tenggara.

Meskipun begitu, beliau juga turut dikenali sebagai kuasa dunia dalam bidang Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Adat Tradisional di Asia Tenggara serta merupakan pengasas dan penerbit Jurnal Australia Undang-Undang Asia. Penerbitan ketara beliau termasuklah *Indonesia Syariah: Penentuan Undang-Undang Islam Kebangsaan* (ISEAS Singapore, 2008).⁹

Di samping berpengalaman berkhidmat sebagai doktor falsafah di ANU dan Universiti Melbourne, Hooker juga merupakan Felo Tmran di Universiti Hebrew Jerusalem. Penglibatan beliau sebagai pensyarah Pengajian Islam dan juga Syariah serta terlibat sebagai ahli akademik British begitu bermakna. Kemudian, beliau juga turut menjadi Felo Penyelidik di Sekolah Penyelidikan Pengajaran Pasifik di ANU dan turut memberi kuliah di Royal Asiatic Society, London. Pada masa yang sama juga, beliau adalah pengajar di Sekolah Pengajian Oriental dan Afrika, London.¹⁰

Selain daripada itu juga, Professor MB Hooker turut dilantik sebagai penasihat kerajaan Negeri Sembilan, serta peguam Negara Malaysia. Beliau juga turut mengusulkan pendapat di Mahkamah Tinggi London, Jabatan Kerajaan British, Suruhanjaya Diraja dan juga peguam Negara Malaysia dalam bab-bab perkahwinan dan perceraian bagi yang bukan Islam. Hooker juga turut mempunyai penerbitan yang sangat meluas meliputi negara Malaysia dan Indonesia.¹¹

⁹ t.p., dikemaskini pada 4 Jun 2013, dicapai pada 10 Jun 2013, <http://www.law.unimelb.edu.au/alc/people/members-and-associates/members-and-associates>, 11 Mei 2013

¹⁰ Ibid.,

¹¹ Ibid.,

Walaupun begitu, semasa di New Zealand beliau telah berkecimpung dalam bidang Undang-undang semasa. Sekitar tahun 1966 dan 1969 beliau telah mencatat kerjaya pertamanya sebagai penyelidik di Universiti Singapura. Menurut Hooker lagi, sebelum ia menjadi penyelidik beliau terpaksa bergantung kepada artikel-artikel deskriptif dari pegawai-pegawai kolonial British serta dari cendekiawan Eropah yang kebanyakannya terletak dalam keadaan bertaburan dan kabur di dalam jurnal-jurnal.¹²

3.3 KARYA-KARYA HOOKER

3.3.1 Latar Belakang Buku *Islamic Law in South-East Asia*

Pada dasarnya, sebelum pengkaji menganalisis secara detail akan bentuk-bentuk pemikiran Hooker pada bab selanjutnya, adalah amat perlu untuk kita ketahui serba sedikit latar belakang buku '*Islamic Law in South-East Asia*' secara detail kerana ia merupakan bahan analisis utama yang pengkaji gunakan di dalam penulisan ini.

Dalam konteks ini, Buku "*Islamic Law in South-East Asia*" dalam terjemahannya iaitu "*Undang-undang Islam di Asia Tenggara*" merupakan salah sebuah daripada karya-karya Hooker yang diterbitkan pada tahun 1984. Manakala terjemahannya telah diterbitkan pada tahun 1991 oleh tiga penterjemah iaitu Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat dan juga Anisah Che Ngah atas persetujuan Oxford University Press yang merangkumi 374 muka surat. Tujuan utama buku ini adalah untuk menggariskan ciri- ciri utama Undang- undang Islam di Asia Tenggara. Ini

¹² John Randall, "Special Collections: A Booksellers View With Reference To Professor M.B. Hookers's Library", 7.

termasuklah negeri Burma, Singapura, Malaysia, Brunei, Filipina (Selatan) serta Indonesia. Turut dimuatkan juga tentang nota ringkas selatan Negara Thailand.

Meskipun begitu, buku ini mengandungi tujuh bab bercetak dan satu bab pengenalan. Bagi *bab pengenalan* yang bertajuk Pengenalan: Sejarah Perundangan Islam di Asia Tenggara, bab ini memuatkan tajuk-tajuk antaranya; Etos Islam di Asia Tenggara, Ikhtisar Undang-undang, 'Pengislaman' dan Pemikiran Perundangan di Asia Tenggara, Islam di Negara-negara Asia Tenggara. Secara keseluruhannya bab pengenalan ini merangkumi 49 muka surat bercetak.

Sementara itu, bagi *bab pertama* yang bertajuk Undang-undang Islam bagi negara Burma merangkumi 42 muka surat dan setiap muka surat merangkumi subtopik tertentu iaitu Pemakaian dan Pembatasan terhadap Undang-undang Inggeris-Islam di Burma, Undang-undang Islam dan Adat (Orang Burma): Golongan Zerbadi, Prinsip Undang-undang untuk Orang Islam di Burma serta Undang-undang Islam di Burma Selepas Kemerdekaan.

Manakala bagi *bab kedua* pula yang bertajuk Undang-undang Islam di Negeri-negeri Selat dan Singapura. Bab ini merangkumi 50 muka surat secara keseluruhannya dan di dalamnya terdapat tiga subtopik iaitu Takrif Undang-undang untuk Orang Islam di Negeri-negeri Selat, Pentadbiran Undang-undang untuk Orang Islam di Singapura dan terakhir adalah Undang-undang untuk Orang Islam dan Percanggahan Undang-undang. Selanjutnya, Undang-undang Islam di Negeri-negeri Melayu dan Semenanjung Malaysia merupakan *bab ketiga* buku ini yang memuatkan lima subtopik utama antaranya; Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu, Persekutuan Tanah Melayu dan Semenanjung Malaysia, Undang-undang Islam dan Adat

Melayu,¹³ Perkembangan Mutakhir dan Tambahan bagi Undang-undang untuk Orang Islam di Negara Thai. Secara keseluruhannya, bab ini mempunyai hampir 49 muka surat bercetak dan merupakan antara bab yang akan pengkaji sentuh dalam membuat analisis terhadap adat di Tanah Melayu menurut perspektif Hooker.

Di samping itu, bab seterusnya iaitu *bab keempat* yang bertajuk Undang-undang Islam di Brunei memuatkan sebanyak 16 muka surat, di dalamnya merangkumi dua subtopik antaranya; Undang-undang untuk Orang Islam di Brunei: Perundangan Awal dan Majlis Agama Islam, Adat Negeri dan Enakmen Mahkamah Kadi. Bab seterusnya iaitu *bab kelima* bertajuk Undang-undang Islam di Sabah dan Sarawak yang merangkumi 36 muka surat. Antara subtopik-subtopiknya termasuklah Undang-undang Islam di Sarawak, Undang-undang Islam di Sabah dan ke arah Pengislaman Undang-undang untuk Orang Islam di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya bagi *bab keenam* iaitu Undang-undang Islam di Filipina yang merangkumi 29 muka surat serta tiga subtopik utama antaranya; Islam, Struktur Sosial dan Undang-undang, Pentadbiran Negara terhadap Orang Moro dan Undang-undang untuk Orang Islam, dan Kaulatan Islam dan Penakrifan semula Undang-undang Islam. Bagi *bab terakhir* iaitu Undang-undang Islam di Indonesia memuatkan sebanyak empat subtopik iaitu Islam dalam Undang-undang Kolonial Belanda, Islam dan Dasar Perundangan di Republik Indonesia, Mahkamah Syariah di Republik Indonesia, serta Islam, Undang-undang untuk Orang Islam serta Republik Indonesia. Keseluruhan bab ini merangkumi 32 muka surat bercetak.

Sementara itu, Hooker juga telah mengklasifikasikan buku ini mengikut tiga ciri utama Undang-undang Islam di Asia Tenggara. *Pertama*; wujudnya bukti bagi penyesuaian dari segi sejarah antara undang-undang Syariah dengan sistem preskripsi

¹³ Merupakan subtopik analisis pengkaji di mana terdapat kekaburan dan ketidakjelasan pada subtopik tersebut.

yang dibentuk mengikut keadaan tempatan. Perkara ini dihuraikan dengan baik dalam teks undang-undang (“*Ikhtisar*”)¹⁴ Tanah Melayu, Sumatera dan Jawa yang diterangkan dalam bahagian Pengenalan. *Kedua*; di bawah pemerintah penjajah, undang-undang Syariah dibentuk semula dari segi pemikiran orang Eropah. Ia menjadi undang-undang diri ‘orang Islam’ (atau ‘pengikut Muhammad’) yang dihadkan ruang lingkup dan kandungannya kepada hal-hal undang-undang keluarga. *Ketiga*; pada tahun-tahun selepas perang wujud aliran yang konsisten ke arah ‘mengislamkan’ undang-undang, iaitu ke arah memperkenalkan atau menguatkuasakan semula cara pemikiran secara klasik dalam proses kehakiman dan menambahkan kandungan berunsurkan Islam dalam undang-undang substantif. Aliran ini sangat jelas kelihatan di Malaysia dan Indonesia; ia kurang ketara di Singapura dan selatan Filipina dan tiada langsung di Burma. Tetapi Malaysia dan Indonesia mengandungi jumlah penduduk Islam yang terbesar di Asia Tenggara (lebih kurang 140 juta) dan di sini, proses “Pengislaman” terus berlaku.

¹⁴ Menurut Hooker *Ikhtisar Undang-undang di nusantara* merupakan dokumen sejarah dari beberapa segi yang berbeza. Pertama, ia sering mengandungi penulisan (“sejarah”) tentang penaung teks atau keturunannya. Dalam setengah-setengah keadaan (Minangkabau, Sulawesi Selatan) ia juga memberi sejarah sesuatu budaya dan menyatakan asal usul undang-undang dan pengamal budaya tersebut dan juga pembentukan dunia. Kedua, *Ikhtisar* ini sering dirujuk dalam sejarah dan dalam kebanyakan kes kita mesti membaca teks dan sejarah bersama-sama untuk mendapat pemahaman yang mencukupi tentang konsep utama yang berunsurkan sejarah seperti ‘kaedah’, ‘kedaulatan’, ‘undang-undang’ dan sebagainya. Dengan itu, *Ikhtisar* tidak wujud secara berasingan. Ia merupakan hasil daripada budaya perundangan yang agak dan wujud dalam bentuknya yang klasik sejak abad keenam belas dan seterusnya. Secara umumnya, *Ikhtisar* merupakan bahan asal yang selari dengan penerangan Islam tentang keadaan manusia dan tanggungjawab yang terhasil daripada penerangan itu. Lihat Hooker, MB, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat dan Anisah Che Ngah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991), 9-10.

3.3.2 Karya-Karya Lain

Penglibatan MB Hooker dalam pengkajian perundangan Islam dan adat masyarakat Melayu Islam telah menghasilkan pelbagai karyanya dalam bentuk buku dan juga artikel. Untuk itu, kesemua karya ini sesuai untuk dijadikan rujukan dan tatapan pengkaji-pengkaji dalam bidang perundangan Islam dan adat masyarakat Melayu atau pun masyarakat awam sendiri yang berminat dalam bidang tersebut.

Tambahan lagi, karya-karya beliau telah dikenalpasti jumlahnya sejak dari tahun 1967 sehingga 1988 sebanyak 56 karya berhubung dengan bidang tersebut. Senarai tersebut telah bertambah sebanyak dua karya iaitu pada tahun 2003 dan juga 2008. Maka, jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 58. Daripada 58 karya ini, 16 karya dikategorikan sebagai buku, manakala selebihnya terdiri daripada artikel-artikel dalam kuantiti sebanyak 42 jenis. Antara buku-buku yang telah dihasilkan oleh MB Hooker berkaitan dengan perundangan Islam dan adat masyarakat melayu Islam adalah:

1967 *“A Sourcebook of Adat, Chinese Law and the History of
Common Law in the Malayan Peninsula”*¹⁵

Buku *“A Sourcebook of Adat, Chinese Law and the History of Common Law in the Malayan Peninsula”* merupakan penerbitan yang paling laris sekitar tahun 1967 sehingga kekal sebagai sumber rujukan pertama bagi ahli sains sosial yang berkerjaya.¹⁶

¹⁵ Hooker, MB, *A Sourcebook of Adat, Chinese Law and the History of Common Law in the Malayan Peninsula* (Singapore: Faculty of Law University Singapore, 1967).

¹⁶ *Ibid.*, 7.

- 1983 (Ed) “*Islam in South-East Asia*”²⁵
- 1984 “*Islamic Law in South-East Asia*”²⁶
- 1986 (Ed) “*Malaysia Legal Essay*”²⁷
- 1986 (Ed) “*The Laws of South-East Asia. Vol. 1: The Pre- Modern Texts*”²⁸
- 1988 (Ed) “*The Laws of South-East Asia. Vol. 11: European Laws*”²⁹
- 2003 “*Indonesia Islam: Social Through Contemporary Fatawa*”³⁰
- 2008 “*Indonesia Syariah: Defining a National School of Islamic Law*”³¹

Dalam hal ini, bagi karyanya yang bertajuk “*The Laws of South-East Asia*” merupakan antara koleksi yang paling hebat dan terkemuka di kalangan sarjana-sarjana serta mengandungi dua jilid yang bercetak. Isi kandungan buku ini mempunyai skop

²⁴ M.C. Hoadley dan Hooker, MB, *Introduction to Javanese Law* (Arizona: The University of Arizona Press, 1981).

²⁵ Hooker, MB, *Islam in South-East Asia* (Leiden: E.J. Brill, 1983).

²⁶ _____, *Islamic Law in South-East Asia* (Singapore: Oxford University Press, 1984).

²⁷ _____, *Malaysian Legal Essay* (Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, 1986).

²⁸ _____, *Laws Of South-East Asia Volume 1: The Pre- Modern Texts* (Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd, 1986).

²⁹ _____, *Laws Of South-East Asia Volume 11: European Laws in South-East Asia* (Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd, 1988).

³⁰ _____, *Indonesia Islam: Social Through Contemporary Fatawa* (North America: University of Hawai’I Press, 2003).

³¹ _____, *Indonesia Syariah: Defining a National School of Islamic Law* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2008).

yang amat luas meliputi sejarah sistem pra-modern undang-undang Myanmar, Thailand, Kemboja, Vietnam, Indonesia, dan Filipina.

Seperti yang telah pengkaji jelaskan tadi, pengkajian Hooker terhadap perundangan Islam dan adat masyarakat Melayu juga telah menghasilkan sebanyak 42 jenis artikel yang mempunyai kaitan secara langsung dengan kajiannya. Antara artikel-artikel yang telah dihasilkan Hooker adalah:

1967 “*Semai House Constructions in Ulu Slim, Perak*”³²

1968 “*A Note on the Malayan Legal Digests*”³³

1968 “*The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State*”³⁴

1968 “*Private International Law and Personal Law*”³⁵

1968 “*The East India Company and the Crown, 1773-1858*”³⁶

1968 “*The Formal Statement of Chinese Law in Hong Kong*”³⁷

³² Hooker, MB, “Semai House Construction in Ulu Slim, Perak”, *Federation Museums Journal* 12 (1967), 27-34.

³³ _____, “A Note on the Malayan Legal Digests”, *JMBRAS* 41, no. 1 (1968), 157-170.

³⁴ _____, “The Interaction Of Legislation And Customary Law In A Malay State”, *American Journal of Comparative Law*, vol.16 (1968), 415- 430.

³⁵ _____, “Private International Law and Personal Law”, *Malay Law Review* 10 (1968), 55-67.

³⁶ _____, “The East India Company and the Crown, 1773-1858”, *Malaya Law Review II* (1968), 1-37. Lihat juga C.H. Alexandrowicz, *Grotion Society Papers*, (1968), 166-211.

- 1969 “*The Relationship between the Adat and State Constitutions of Negeri Sembilan*”³⁸
- 1969 (Ed) “*A Judicial History of the Straits Settlements, 1786-1890*”³⁹
- 1971 “*The Early Adat Constitution of Negeri Sembilan (1773-1824)*”⁴⁰
JMBRAS: 44 (1) 104-116.
- 1971 “*Law, Religion and Bureaucracy in a Malay State*”⁴¹
- 1973 “*The Challenge of Malay Adat Law in the Realm of Comparative Law*”⁴²
- 1973 “*A Note on the Malaysian Petition Writer*”⁴³
- 1974 “*Adat and Islam in Malaya*”⁴⁴

³⁷ Hooker, MB, “The Formal Statement of Chinese Law in Hong Kong”, *Malayan Law Review* 10 (1968), 230-247.

³⁸ _____, “The Relationship between the Adat and State Constitutions of Negeri Sembilan”, *JMBRAS* 42, no. 2 (1969), 155-172.

³⁹ _____, *A Judicial History of the Straits Settlements, 1786-1890*, ed J. W. Norton Kyshe (t.tp: t.p, 1969)

⁴⁰ _____, “The Early Adat Constitution of Negeri Sembilan (1773-1824)”, *JMBRAS* 44, no.1, (1971), 104-116.

⁴¹ _____, “Law, Religion and Bureaucracy in a Malay State”, *American Journal of Comparative Law* 19, (1971), 264-286.

⁴² _____, *The Challenge Of Malay Adat Law In The Realm Of Company Law* (Vol. 22, International and Comparative Law Quarterly, t.tp, t.t.), 492-514.

⁴³ _____, “A Note on the Malaysian Petition Writer”, *Journal of Asian Studies* 32, no. 4 (1973), 661-662.

- 1976 “*The Terengganu Inscription in Malayan Legal History*”⁴⁵
- 1978 “*The India-Derived Law Texts of South- East Asia*”⁴⁶
- 1978 “*India’s Judiciary*”⁴⁷
- 1978 “*Towards a Legal History of South-East Asia*”⁴⁸
- 1978 “*Islamic Law*”: U.K. Report for the International Congress of
Comparative Law: Section IAI. Budapest.⁴⁹
- 1980 “*An Outline History of the Administration of Native Law in
Sarawak*”⁵⁰
- 1980 “*The Administration of Native Law in Sabah*”⁵¹

⁴⁴ Hooker, MB, “Adat and Islam in Malaya” dalam *Legal Essay in Memoriam*, ed. Bartholomew (Singapore: Malayan Law Review, 1974), 164-187.

⁴⁵ _____, “The Terengganu Inscription in Malayan Legal History”, *JMRAS* 49, no. 2 (1976), 127-131. Lihat t.p, *Royal Asiatic Society- Malaysian Branch Centenary Volume*, (1977), 350-355.

⁴⁶ _____, “The Indian-Derived Law Texts of Southeast Asia”, *Journal of Asian Studies*, vol. xxxvii, no. 2, (1978), 201-219.

⁴⁷ _____, “*India’s Judiciary*”, (Asian Affairs IX, t.tp, 1978), 112-113.

⁴⁸ _____, “Towards a Legal History of South-East Asia”, *JMBRAS*: LI, no.1, (1978), 110-121.

⁴⁹ _____, “Islamic Law”, (U.K. Report for the Xth International Congress of Comparative Law: Section IAI, Budapest, 1978).

⁵⁰ _____, “An Outline History of the Administration of Native Law in Sarawak”, dalam *Cases on Native Customary Law in Sabah*, ed H.H.Lee (Malaysia: Kuching government printer, 1980),

⁵¹ _____, “The Administration of Native Law in Sabah”. Ibid., XI-XXI.

- 1981 (with R.F. Ellen and A.C. Milner) “The Hervey Malay mss in the Wellcome Institute Library”⁵²
- 1981 “Negeri Sembilan: Adat, the Constitution and the Federal Court”⁵³
- 1982 “Problems in Malay Law”⁵⁴
- 1983 “The Translation of Islam into South-East Asia”⁵⁵
- 1983 “Muhammadan Law and Islamic Law”⁵⁶
- 1983 (with M.C. Hoadley) “Javanese Law”⁵⁷
- 1983 “Introduction” to the Oxford University Press *Historica Reprint*⁵⁸
- 1983 (with V.J. Matheson) “Slavery in the Malay Texts”⁵⁹

⁵² Hooker, MB, R.F. Ellen and A.C. Milner, “The Hervey Malay mss in the Wellcome Institute Library”, *JMBRAS*: LIV, no.1 (1981), 82-92.

⁵³ _____, “Negeri Sembilan: Adat, the Constitution and the Federal Court”, *Malayan Law Journal* (1981), cxc-cxciii.

⁵⁴ _____, “Problems in Malay Law”, *Malayan Law Journal* (1982), xcvi-xcix.

⁵⁵ _____, “Introduction: The Translation of Islam into South-East Asia”, dalam *Islam in South-East Asia*, ed. Hooker (Leiden: Brill, 1983), 1-22.

⁵⁶ _____, “Muhammadan Law and Islamic Law”, *Ibid.*, 160-182.

⁵⁷ _____ and M.C. Hoadley., “Javanese Law”, *ASAA Review* 6, no. 3 (1983), 136-138.

⁵⁸ _____, “Introduction” to Oxford University Press *Historica Reprint*”, dalam *The Law of the Straits Settlements*, ed R.St.J. Bradell (t.tp: t.p, 1983), v-xi.

- 1984 *Various entries in A.W.B. Simpson (Ed): Biographical Dictionary of the Common Law.*⁶⁰
- 1984 “Asia Politics: State, Laws and the Ideologies of Modernization”⁶¹
- 1986 “The oriental Law Text”⁶²
- 1986 “Islamic and Malaysian Law”⁶³
- 1986 “The South-East Asian Law Text: Materials and Definitions”⁶⁴
- 1986 “The Laws of Muslim South-East Asia”⁶⁵
- 1986 (with M.C. Hoadley) “The Law Texts of Java and Bali”⁶⁶

⁵⁹ Hooker, MB, dan V.J.Matheson, “Slavery in the Malay Texts”, dalam *Slavery, Bondage and Dependency in Southeast Asia*, ed Hooker (St. Lucia: University of Queensland Press, 1983), 120-208.

⁶⁰ _____, “Various Entries” dalam *Biographical Dictionary of the Common Law*, ed Simpson, A.W.B. (London: Butterworths, 1984).

⁶¹ _____, “Asian Politics: State, Law and the Ideologies of Modernization”, *Int. Congress of Human Sciences in Asia and North Africa*, vol.11 (1984), 723-724

⁶² _____, “The Oriental Law Text” dalam *Malaysian Legal Essay*, ed Hooker (Singapore: Malayan Law Journal, 1986), 431-456.

⁶³ _____, “Islamic And Malaysian Law,” *Ibid.*, 1-14.

⁶⁴ _____, “The South-East Asian Law Texts: Materials and Definitions”, dalam Hooker ed *The Laws of South-East Asia: Vol.1 The Pre-Modern Texts* (London: Butterworth, 1986), 1-22.

⁶⁵ _____, “The Law Texts of Muslim South-East Asia”. *Ibid.*, 347-434.

⁶⁶ Hoadley, M.C. dan Hooker, MB, “*The Law Texts of Java and Bali.*” *Ibid.*, 241- 346.

- 1988 “Adat”⁶⁷
- 1988 “Law, South- East Asia”⁶⁸
- 1988 (with Virginia Matheson) “Jawi Literature in Patani”⁶⁹
- 1988 “European Laws in South-East Asia”⁷⁰
- 1988 “(with John Villiers) “The Laws of Portugal and Spain”⁷¹
- 1988 “English Law in Sumatera, Java, the Staraits Settlements,
Malay States, Sarawak, North Borneo and Burnei”⁷²
- 1988 “The ‘Europeanization’ of Siam’s Law, 1885- 1908”⁷³

⁶⁷ Hooker, MB, “Adat”, dalam *Encyclopedia of Asian History*, ed A.T. Embree (vol.2, New York: Charles Scribner’s Sons, 1988), 13-14.

⁶⁸ _____, “Law, South-East Asia.” Ibid., 414-417.

⁶⁹ _____, dan Virginia Matheson, “Jawi Literature in Patani” *JMBRAS*: LXI, no. 1 (1988), 1-86.

⁷⁰ _____, “European Laws in South-East Asia”, dalam *The Laws of South- East Asia*, ed Hooker (vol. II, London: Butterworths, 1988), 1-26

⁷¹ John Villiers, “The Laws of Portugal and Spain”, dalam *The Law of South-East Asia*, ed Hooker (vol.11, London: Butterworth, 1988), 27-145.

⁷² _____, “English Law in Sumatera, Java, the Straits Settlements, Malay State, Sarawak, North Borneo and Brunei”. Ibid., 299-446.

⁷³ _____, “The ‘Europeanization’ of Siam’s Law, 1885-1908”. Ibid., 531-578.

3.3.3 Kelebihan Karya-Karya Hooker

Penghasilan karya-karya yang dirintis oleh Hooker sedikit sebanyak telah memberi banyak pendedahan kepada pengkaji bahawa pentingnya mendalami adat Melayu itu sendiri dan ia bukannya suatu bidang yang sempit malahan ia tetap di aplikasikan sehingga sekarang. Apa yang pengkaji dapati daripada karya-karya tersebut, Hooker cuba untuk menyetengahkan serta mengumpul karya-karya sarjana Barat yang lepas tentang undang-undang dan adat Melayu di dalam satu buku sebagai contoh *Reading in Malay Adat Law*.

Pada masa yang sama, pengkaji dapati karya-karya tersebut sesuai untuk dijadikan rujukan bagi mereka yang membuat kajian dalam bidang ini kerana mengikut pandangan pengkaji mungkin akan kedapatan isu-isu yang sesuai yang boleh kita olah dan gunapakai untuk meneruskan kajian kita. Hal ini sedikit sebanyak dapat mengintelektualkan gaya pemikiran kita bagi menghasilkan input yang berkualiti di samping tidak mengeneipkan *addin*.

Sungguhpun demikian, hasil pengkajian yang telah dilakukan Hooker ke atas perundangan Islam dan undang-undang adat Melayu telah mendapat perhatian satu pihak bagi mengelak daripada kehilangan sumber yang begitu berharga ini. Ianya merupakan satu alternatif yang begitu bermakna dan berharga sekali kepada para pengkaji adat Melayu terutama sekali kepada generasi yang akan datang untuk melihat sendiri karya-karya beliau. Justeru, ucapan terima kasih yang tidak terhingga pengkaji ucapkan kepada pihak Perpustakaan Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di atas keprihatinan dan jasa baik mereka menubuhkan satu bilik khas iaitu

‘Koleksi Khas Hooker’ bagi mengumpulkan kesemua karya-karya serta rujukan Hooker. UKM merupakan antara universiti yang memiliki kesemua karya-karya M.B Hooker.⁷⁴

3.4 KOLEKSI KHAS HOOKER⁷⁵

Pada dasarnya, ‘Koleksi Hooker’ merupakan sebahagian daripada koleksi-koleksi yang terdapat di Perpustakaan Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).⁷⁶ Koleksi ini telah ditubuhkan pada awal Februari 1994, yang menempatkan hampir 2040 koleksi di dalamnya. Keistimewaannya ia merupakan suatu koleksi penyelidikan yang menyeluruh mengenai sejarah, pengajian Islam, falsafah dan aplikasi sistem undang-undang Asia Tenggara.

Seperti kita semua maklum, Asia Tenggara merupakan kawasan yang mempunyai berbagai latar belakang sebelum dan selepas zaman penjajahan dan bahan-bahan yang berbeza-beza daripada Timur Tengah hingga ke India, Burma dan Indochina ke Malaysia dan Kepulauan Asia Tenggara. Disiplin yang diwakili adalah lebih berbagai

⁷⁴ Pengkaji telah melakukan lawatan ke Perpustakaan Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia pada April 2013 bagi melihat sendiri koleksi tersebut.

⁷⁵ Abu Bakar Maidin, *Panduan Universiti Kebangsaan Malaysia Sesi 2007-2008* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 47.

⁷⁶ Menurut sejarah, penubuhan Perpustakaan Undang-undang bermula dengan penubuhan cawangan dan koleksinya pada bulan Mac 1985 di Perpustakaan Tun Seri Lanang. Kini cawangan ini telah memperolehi bangunannya sendiri dan mula beroperasi sebagai Perpustakaan Cabang pada bulan Jun 1996. Penubuhan Perpustakaan Undang-undang adalah untuk menampung keperluan pelajar dan pensyarah Fakulti Undang-undang di samping memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang memerlukan bahan undang-undang. Pada dasarnya Perpustakaan Undang-undang memiliki koleksi yang terdiri daripada statut, laporan undang-undang, bahan terbitan bersiri, buku teks dan buku am undang-undang. Perpustakaan ini juga memiliki latihan ilmiah oleh pelajar-pelajar Fakulti Undang-undang dan Koleksi Pandang Dengar Selari dengan perkembangan teknologi. Perpustakaan Undang-undang ini juga menyediakan beberapa pangkalan data yang boleh diakses secara dalam talian dan juga dalam bentuk CD-ROM. *Ibid.*, 47.

seperti Pengajian Islam, falsafah, antropologi, sejarah, kesusasteraan, ekonomi dan undang-undang.⁷⁷

Lagi pula, koleksi ini dikategorikan sebagai koleksi tertutup yang ditempatkan di Bilik Koleksi Hooker di aras 2. Bahan-bahan ini dahulunya merupakan koleksi Prof. MB Hooker, seorang pengkaji undang-undang adat. Setiap bahan diberi awalan '231' pada nombor panggilannya. Bahan ini adalah untuk rujukan sahaja dan pelanggan tidak dibenarkan membawa keluar bahan dari bilik tersebut.⁷⁸ Penjagaan terhadap bahan-bahan ini amat rapi sekali.

Selanjutnya, perpustakaan peribadi Profesor Hooker menjadi sumber utama bagi penulisan dan pengajaran beliau. Koleksi beliau kaya dengan sumber utama dan teks rujukan. Katalog Koleksi Profesor Hooker pula merekodkan lebih dari 2000 jenis bahan. Manakala, judul-judul yang disenaraikan di dalam satu entri merangkumi berbagai judul iaitu lebih daripada 2500 judul. Secara keseluruhannya ia meliputi buku nadir serta pelbagai monograf.⁷⁹

Meskipun begitu, sebahagian besar dari koleksinya mengandungi buku-buku berkisar tentang undang-undang dan sejarah Malaysia, Indonesia dan Singapura. Kesemua ini menjadi tema utama koleksinya. Lebih daripada 250 buah buku diterjemah di dalam bahasa Malaysia atau Indonesia, manakala sebanyak 450 buah buku adalah di dalam bahasa Inggeris dan Belanda yang disenaraikan mengikut pengarang. Negara-negara seperti Thailand, Burma, Indochina dan Filipina juga turut diwakili. Dalam Katalog Koleksi Hooker yang dihasilkan oleh John Randall menyenaraikan sebanyak 1262 judul adalah di dalam bahasa Melayu dan Indonesia. Manakala 97 judul

⁷⁷ Maimunah Kadir, "Koleksi Profesor MB Hooker: Dokumentasi dan Organisasi Bahan" (makalah, Seminar Antarabangsa Koleksi Khas Pengajian Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19-21 Jun 1995), 1.

⁷⁸ Abu Bakar Maidin, *Panduan Universiti Kebangsaan Malaysia Sesi 2007-2008*, 52.

⁷⁹ *Ibid.*, 1.

merupakan dalam bahasa Arab serta lebih daripada 100 buah buku adalah bahasa Inggeris. Selebihnya adalah karya-karya berbentuk bibliografi termasuk lima jilid oleh Brockleman dan Ensiklopedia Islam.⁸⁰

Selain itu, lebih kurang 230 buah terdiri daripada buku Patani yang dikumpulkan hasil daripada penyelidikan di dalam bidang tersebut dan disenaraikan sebagai bahan “Patani”. Koleksi ini juga mengandungi 31 buah tesis kategori sarjana dan kedoktoran dengan skopnya hanya berkisar tentang Melayu dan Islam. Kebanyakan daripada bahan-bahan ini tidak diterbitkan.⁸¹

Sungguhpun begitu, satu ciri penting mengenai koleksi ini yang menonjolkan kesungguhan penyelidikan Profesor Hooker ialah lebih kurang 600 fail yang lengkap diindeks yang mengandungi bahan-bahan salinan gambar foto, nota penyelidikan, nota pengajaran, draf dan struktur kursus yang telah dikumpulkan hasil penyelidikan selama lebih kurang 25 tahun. Hampir semua rujukan yang dipetik dalam penulisan Profesor Hooker terdapat di sini.⁸²

Sementara itu juga, terdapat 13 manuskrip Arab membincangkan tentang fikah dan hadith serta 9 manuskrip adalah bahasa Jawi. Kebanyakannya dalam bahagian kecil termasuk “Hikayat Bakhtiar” yang lengkap dengan tulisan rumi dan berasingan. Selanjutnya, sebanyak empat puluh lapan teks Arab yang dicetak dari satu Perpustakaan di Pulau Pinang dan disenaraikan di bawah tajuk “Basheer” merupakan satu lagi aspek unik mengenai koleksi ini.⁸³

⁸⁰ Maimunah Kadir, “Koleksi Profesor MB Hooker: Dokumentasi dan Organisasi Bahan”, 2.

⁸¹ Ibid.,

⁸² Ibid., 3

⁸³ Ibid.,

3.4.1 Keistimewaan Koleksi Hooker

Perpustakaan Koleksi Hooker telah membahagikan kesemua koleksinya kepada tiga tema utama dan satu bahagian kecil iaitu *pertama*; Undang-undang dan sejarah Malaysia, Indonesia dan Singapura yang mewakili tema utama dalam koleksi Profesor Hooker. *Kedua*; Islam dan Undang-undang Islam, dan *ketiga*; meliputi bahagian teori, merangkumi lebih daripada 200 buku mengenai undang-undang perbandingan, sejarah undang-undang, dan antropologi undang-undang. Kesemua ini amat penting dalam kajian Undang-undang Asia Tenggara.⁸⁴

Selain terdiri daripada buku, koleksi ini juga mengandungi bahan-bahan seperti manuskrip, peta, slaid, nota penyelidikan, nota pengajaran, draf, struktur kursus, pita audio, gambar foto, mikrofilem dan negatif filem. Kesemua bahan-bahan ini perlu diproses, di katalog dan di kelaskan mengikut bentuk untuk menyenangkan para penyelidik mengakses. Antara bahan-bahan tersebut:⁸⁵

1) Bahan Monograf

Bagi bahan-bahan monograf ianya dikatalog dan dikelaskan mengikut AACR 2. Oleh kerana buku-buku tersebut bukan hanya mengenai undang-undang tetapi merangkumi subjek lain seperti falsafah, sejarah dan Islam dan dua jenis nombor panggilan akan wujud dan terdapat di skrin OPAC, satu nombor panggilan menunjukkan buku-buku undang-undang dikelaskan mengikut sistem pengkelasan

⁸⁴ John Randall, "Special Collections: A Booksellers View With Reference To Professor MB Hookers's Library" (makalah, Seminar Antarabangsa Koleksi Khas Pengajian Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19-21 Jun 1995), 9.

⁸⁵ Ibid., 4.

Koleksi Undang-undang. Sementara buku-buku bukan mengenai undang-undang dikelaskan mengikut sistem pengkelasan 'Library of Congress'.⁸⁶

2) Bahan-bahan

Bagi bahan-bahan seperti peta, slaid, pita audio, gambar foto, mikrofilem dan negatif filem juga dikatalog dan dikelaskan dan awalan berikut akan diberikan berpandukan GMD (General Material Designation). GMD yang digunakan diselaraskan untuk keseragaman dengan awalan pengkelasan bahan Media oleh Cawangan Pandang Dengar, Perpustakaan Tun Sri Lanang.⁸⁷

3) Jurnal

Jurnal dalam bidang undang-undang dan bidang lain dikatalog dan dikelaskan mengikut sistem pengkelasan 'Library of Congress'. Awalan 23 siri diberikan untuk membezakannya dari Koleksi Terbitan Bersiri yang terdapat di Perpustakaan Tun Sri Lanang.⁸⁸

4) Nota Penyelidikan

Sebanyak 600 fail yang mengandungi bahan-bahan salinan gambar foto, nota penyelidikan, nota pengajaran, draf dan struktur kursus telah disusun mengikut abjad

⁸⁶ Maimunah Kadir, "Koleksi Profesor MB Hooker: Dokumentasi dan Organisasi Bahan", 5.

⁸⁷ Ibid., 6.

⁸⁸ Ibid., 7.

nama pengarang. Nota-nota ini akan dikekalkan dalam fail yang sedia ada tetapi setiap nota tersebut akan diindeks mengikut pengarang atau judul. Satu kad indeks mengikut pengarang dan satu kad indeks mengikut judul akan disediakan.⁸⁹

5) Suhu

Suhu bilik Koleksi Profesor Hooker perlu dikekalkan kepada 70°F/ 21°C dan kelembapan atau “relative humidity” pada 50%. Bilik tersebut juga akan dipasang dengan cermin gelap. Keperluan-keperluan ini perlu diutamakan untuk memastikan bahan-bahan yang ada dalam Koleksi Profesor Hooker akan terjamin dari segi hayatnya.⁹⁰

3.5 KESIMPULAN

Penglibatan MB Hooker dalam bidang perundangan Islam dan adat masyarakat Melayu tradisional khususnya telah menghasilkan pelbagai karya yang boleh kita lihat sekarang ini. Kesemua karya tersebut bersifat menyeluruh dan sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada para sarjana moden khususnya dalam mendalami perkembangan perundangan Islam dan adat masyarakat Melayu tradisional meliputi Adat Perpatih dan Adat Temenggung.

Pengetahuan mendalam beliau dalam bidang tersebut telah mencetuskan pembinaan koleksi khas beliau iaitu ‘Koleksi Hooker’ yang menempatkan kesemua karya-karya dan rujukan beliau dalam bidang perundangan Islam dan adat masyarakat

⁸⁹ Maimunah Kadir, “Koleksi Profesor MB Hooker: Dokumentasi dan Organisasi Bahan”, 8.

⁹⁰ Ibid., 9.

Melayu Islam yang masih dijadikan rujukan penyelidikan para sarjana Islam moden dewasa ini. Kemahiran beliau dalam bidang ini secara tidak langsung adalah lanjutan daripada sarjana-sarjana lepas antaranya John Rigby, William Edward Maxwell, James Richardson Logan, William Marsden, Thomas Stamford Raffles, dan Richard James Wilkinson.

Sehubungan itu, karya-karya tersebut adalah harus untuk dikaji dan dianalisis semula akan tujuan penghasilannya. Hal ini kerana berkemungkinan boleh berlaku kesalahfahaman penafsiran pemikiran mereka terhadap Islam. Justeru adalah wajar bagi para penyelidik untuk melibatkan diri dalam menganalisis karya-karya para sarjana Barat yang berlatarbelakang untuk memusuhi Islam secara halus. Tambahan pula, pengkajian yang dibuat barat tidak mustahil hanya pada lapisan selaput nipis sahaja terhadap Islam walaupun mengambil masa berpuluhan tahun lamanya. Ini kerana faktor keislaman itu merupakan jurang perbezaan yang wujud antara orang Islam dan orang kafir.